

TARIKH : 5 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Bajet perlu selaras kewangan

# Bajet perlu selaras kewangan negara

**Kuala Lumpur:** Pembentangan Bajet 2023 pada 7 Oktober ini perlu mengambil kira pendapatan dan keadaan kewangan semasa negara selain penyediaan langkah menghadapi jangkakan ekonomi meleset tahun hadapan.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata persepsi bahawa pembentangan bajet yang lebih besar lebih baik adalah tidak betul, sebaliknya pertimbangan semasa perlu diberi perhatian.

"Masalah kita, secara umum rakyat dan kerajaan terdorong sama, kita keliru dengan apa itu bajet tahunan, kita asyik bertepuk tangan kalau peruntukan bajet itu semakin meningkat. Tahun 2020, RM290 bilion, 2021 (RM307 bilion), 2022 (RM332 bilion), tepuk tangan semua."

"Ada tak yang tanya dapat duit dari mana? Ada tak yang tanya pendapatan kerajaan tahun itu berapa? Apakah implikasinya terhadap kedudukan kewangan kerajaan dari segi defisit dan sebagainya?"

"Kalau sekali lagi kita menuntut bajet lebih besar, bererti besar

kemungkinan dengan kemelesetan ekonomi yang dijangka tahun depan, adakah kita akan menambah lagi hutang kita."

"Apabila bercakap mengenai hutang, satu Malaysia marah, tapi cakap tentang bajet, satu Malaysia hendak lebih, jadi anda tidak adil kepada kerajaan," katanya sebagai panel webinar Pra Bajet 2023 anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) semalam.

### Ekonomi dunia suram

Noor Azlan berkata, satu lagi pendekatan salah apabila bajet dibentangkan ialah apabila setiap pihak mencari apa habuan diterima mereka.

"Masing-masing buka muka

surat nak tengok, kalau penjawat awam mengenai bonus, semua mencari, yang nelayan cari, penoreh getah cari, industri mencari. Cari apa? potongan cukai dan tambahan belanja, jadi pendapatan negara bagaimana?"

"Ekonomi tahun depan adalah ekonomi meleset, lebih perlahan, satu dunia bincang suasana ekonomi tahun depan itu macam nak runtuh ekonomi dunia, semua seminar saya sertai bercakap mengenai betapa gusarnya mereka tentang ekonomi akan datang."

"Tapi kita tidak bercakap tentang kegusaran ini, saya takut Malaysia jadi 'kesan burung unta', burung unta kalau ada masalah sorok kepala dalam tanah,

supaya tak nampak masalah, maka tidak ada masalah itu."

"Kita sepatutnya bercakap mengenai senario ekonomi tahun depan dan apa kesannya kepada negara dan sektor mana yang terkesan. Contohnya bila cakap kadar tukaran asing semua akan merujuk kepada Amerika Syarikat (AS)."

"Cuba kata itu bukan bawah kawalan kita, kalau AS terus menaikkan lagi kadar faedah, nilai mata wang kita akan terus menurun, siapa yang terkesan? Jangan bercakap ekonomi berada pada landasan baik, hakikatnya berhadapan cabaran besar."

"Jadi apa untungnya harga barangan kita murah, boleh eksport lebih tetapi permintaan dunia tahun depan dijangka tidak ada, amat penting untuk kita meletakkan senario 2023 dan memahami siapa dan sektor mana yang akan terkesan," katanya.

Katanya, di Malaysia, terdapat beberapa kerentanan yang besar, terutama kumpulan berpendapatan rendah yang membabitkan 50 peratus isi rumah.

Selain itu, Noor Azlan berkata, perlu juga diterima hakikat ketidakpastian politik adalah elemen sangat besar yang memberi kesan kepada ekonomi negara.

“Ada tak yang tanya dapat duit dari mana? Ada tak yang tanya pendapatan kerajaan tahun itu berapa? kedudukan kewangan kerajaan dari segi defisit dan sebagainya?”



Noor Azlan Ghazali,  
Pengarah Institut Pembangunan  
dan Kemajuan Inklusif Malaysia,  
Universiti Kebangsaan Malaysia